

Sokong parti yg anda kenal Dr. M-

Oleh NORDIN MOHAMED

KUALA LUMPUR, Khamis — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, menasihatkan lima juta pengundi malam ini supaya menyokong bulat Barisan Nasional yang mereka kenal dengan baik, daripada mempertaruhkan nasib mereka kepada parti-parti lain yang belum dikenali.

"Saya berharap, pengundi-pengundi akan memilih Kerajaan yang mereka ketahui sejak 21 tahun lalu— Kerajaan Barisan Nasional.

"Lebih baik menerima apa yang anda kenali dari yang tidak tentu. Nasib anda di tangan anda," tegasnya.

Timbalan Perdana Menteri berucap menerusi Radio Malaysia, 48 jam sebelum pembuangan undi.

Dr. Mahathir berkata, pilihanraya kali ini bukan pilihanraya biasa, tetapi penting kerana dalam kebanyakan negeri sekarang tidak ada lagi pilihanraya bebas dan 100 peratus calon yang harus dipilih hanya dari parti pemerintah.

Membina

"Hak mengundi di negeri ini dipelihara kerana parti yang memerintah sejak Merdeka 21 tahun lalu, menjunjung demokrasi dan dipimpin oleh tokoh-tokoh yang percaya penuh kepada demokrasi sebagai prinsip politik mereka," katanya.

Sebelum itu beliau memberitahu para pemberita bahawa Barisan Nasional boleh memenangi sekurang-kurangnya 120 kerusi Parlimen dalam pilihanraya ini.

Ini tidak termasuk 9 kerusi yang telah dimenangi lebih awal.

Barisan Nasional juga akan menguasai semua Dewan-Dewan Undangan Negeri di Semenanjung dengan lebih dua pertiga majoriti.

"Kita pasti akan menang dengan majoriti yang baik — dua pertiga," kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad kepada para pemberita di Ibupejabat UMNO Malaysia, di sini petang ini.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata: "Dalam sebuah negara demokratik seperti Malaysia, kita tidak mungkin menang 100 peratus dalam pilihanraya."

Menegenal ramalan para pemimpin pembangkang yang mereka

tidak akan menang dengan jumlah kerusi yang banyak, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, "Ini menunjukkan awal-awal lagi mereka mengaku kalah dan pertandingan mereka sia-sia sahaja."

Menurut beliau, parti-parti pembangkang di negara ini tidak berpendirian dan sebahagian daripadanya perkauman serta membuat pandangan dan teguran yang sempit dari segi kepentingan parti.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia